

# Abdullah lancar Projek Everest 2007

Oleh HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 16 Mei - Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Projek Everest 2007 yang bakal memulakan projek menawan puncak tertinggi dunia itu.

Marina Ahmad, 25, dan Marina lagi pendaki lain ditugaskan mendaki gunung Everest pada Mac tahun depan sebagai sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-50.

Turut menganggotai pasukan tersebut ialah Presiden Persatuan Kembara Negara (PKN), Datuk Khalid Yunus, 64; Wira Negara Everest 2004, Ahmad Reduan Rozali, 24 dan Ketua Pendaki Everest 2004, Muhammad Fauzan Hasan, 39.

Dua pendaki lain ialah Ahmad Fakliri Abu Samah, 25 dan Idris Said, 51.

Projek Everest 2007 anjuran

PKN merupakan percubaan keempat rakyat Malaysia sejak kejayaan M. Magendren dan N. Mohandas pada tahun 1997.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Penerangan, Datuk Zamuddin Maidin dan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Azalina Othman Said.

*Utusan Malaysia* dilantik sebagai akhbar rasmi projek berkenaan.

Perdana Menteri dalam ucapan nya, mahu kesungguhan dan disiplin pendaki dalam menawan puncak gunung berkenaan dijadikan iktibar kepada seluruh rakyat Malaysia.

Katanya, semangat yang ada pada pendaki seperti kegigihan, tidak mudah putus asa, disiplin tinggi serta semangat kental perlu dicontohi kerana ia dapat membantu usaha negara mencapai puncak kejayaan menjadi sebuah negara dan bangsa maju menjelang 2020.

"Bangsa kita hendak menjadi bangsa besar memerlukan kekuatan yang besar dan keupayaan yang tiada tandingannya," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah turut mengumumkan peruntukan berjumlah RM1.4 juta daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk menjayakan projek tersebut.

Dalam pada itu Marina yang berasal dari Pendang, Kedah mengakui beliau menggalas harapan menggingung seluruh wanita Malaysia untuk melihat wanita negara ini menakluki puncak tertinggi dunia itu.

"Belum uba belum tahu. Namun selepas melalui latihan, keyakinan saya semakin tinggi," katanya.

Beliau yang bertugas sebagai Pembantu Penerbit di Radio Televisyen Malaysia (RTM) terpilih daripada empat calon wanita yang menyertai sesi pemilihan oleh PKN.

Sementara itu, Khalid yang bakal menjadi pendaki tertua negara mendaki Gunung Everest berkata, pasukan berkenaan memasuki fasa terakhir latihan.

"Mereka akan memanjat beberapa lagi puncak gunung sebelum menawan puncak tinggi dunia itu pada Mac depan," katanya.